

Selepas kebakaran

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

TIMBALAN Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata peristiwa kebakaran bangunan lama Bank Bumiputera kelmarin adalah suatu pengajaran bagi Jabatan Bomba dalam langkah-langkah memadam. Tetapi sebenarnya ia juga patut menjadi pengajaran kepada semua pihak yang berkaitan dengan bangunan tinggi dan lain-lain jenis bangunan yang menempatkan ramai orang — para pengurusnya, majikan-majikan yang menggunakannya dan pekerja-pekerja di dalamnya. Akhir-akhir ini kebakaran begitu kerap berlaku dan meninggalkan akibat buruk termasuk korban nyawa. Selain kebakaran paling buruk di Pelabuhan Kelang awal Jun lalu, Jalan Kelang Lama adalah daerah paling hangat. Sekurang-kurangnya enam kebakaran berlaku di situ saja setakat ini tahun ini. Bangunan lama Bank Bumiputera menjadi tumpuan perhatian ialah kerana tingginya yang melibatkan langkah menyelamatkan dan memadam yang amat rumit. Dua lagi kebakaran bangunan tinggi sebelum ini — Komplek Ampang bulan lalu dan Komplek Campbell beberapa tahun sebelumnya — kurang menimbulkan kebimbangan kerana berlaku pada waktu tidak ramai orang di dalamnya.

Langkah Kerajaan menubuhkan sebuah jawatankuasa khas mengkaji struktur dan kelengkapan Jabatan Bomba memang amat dialu-alukan kerana masanya sudah sampai beberapa penyesuaian dilakukan ke atasnya berikutan pertumbuhan pesat bangunan tinggi sekarang ini. Ini tidaklah bermakna kakitangan Bomba lemah dalam menjalankan tugas. Mereka telah melakukan segala yang terupaya, dan kadangkala dengan keperwiraan yang luarbiasa, mengikut kemampuan kelengkapan yang ada, latihan yang diterima dan halangan-halangan yang dihadapi. Dua halangan besar terhadap kepantasan bertindak memadamkan api sekarang ini ialah kesesakan lalu lintas dan keadaan serta kedudukan kepala-kepala paip bomba. Langkah-langkah mengatasi halangan-halangan ini mestilah dicari segera sementara kelengkapan serta latihan yang lebih sesuai dengan perkembangan pesat bangunan tinggi diadakan.

Di samping itu langkah-langkah keselamatan di bangunan-bangunan tinggi, terutama yang menempatkan ramai orang seperti pusat membeli belah yang penuh dengan barang-barang mudah terbakar dan juga panggung wayang, haruslah diperketatkan dan sentiasa diawasi. Selain menyediakan alat-alat mencegah kebakaran yang paling berkesan, peraturan menyelamatkan juga mesti dirancangkan. Lebih dari itu mestilah pula ada kakitangan tertentu yang boleh menggunakan alat-alat tersebut dan melaksanakan peraturan menyelamatkan itu dengan segera dan cekap. Ini memerlukan latihan yang kerap dan teliti, dan, jika perlu, diwajibkan. Cuma persediaan beginilah yang boleh mengelakkan kemalangan lebih buruk.